



**KAJIAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT DI KUCHING
BERKAITAN DENGAN MASALAH CETAK ROMPAK**

DISEDIAKAN OLEH:

**SURIANI BINTI MALI 2001650643
SAPINAH BINTI KAWI 2001650835
SURAYATY BINTI ASMIN 2001650755
MOHD. MEZELAN BIN MASLI 2001490343
MOHD. FIRDAUS BIN ABD. RAZAK 2001490494**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, KAMPUS SAMARAHAN
CAWANGAN SARAWAK**

FEBRUARI 2004

SEKALUNG PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah, Tuhan sekalian alam, Alhamdulillah, penulis panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana di atas keizinan-Nya, penulis dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Sekalung ucapan terima kasih ditujukan kepada Encik Kuldip Singh selaku pensyarah Latihan Ilmiah ini yang telah banyak meluangkan masa dan memberikan nasihat serta tunjuk ajar kepada penulis dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini. InsyaAllah, segalanya penulis abadikan sebagai panduan untuk menempuhi hidup yang lebih mencabar dan mempertingkatkan lagi keilmuan.

Tidak lupa juga kepada Puan Nursuria Mahrif selaku penasihat dan penyelia Latihan Ilmiah ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan sudi mencurahkan ilmu pengetahuan selama penulis menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Semoga jasa baik dan bimbingan yang dicurahkan akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Mohamad Ziyad bin Hj. Kamaludin, Pegawai KPDN, Pegawai FINAS, PBT dan orang awam kerana sudi memberikan maklumat dan kerjasama yang diperlukan. Tanpa semuanya, kajian untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini tidak mungkin dapat dihasilkan. Hanya Allah S.W.T sahajalah yang mampu membalasnya.

Akhir sekali, penulis mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada ahli keluarga kami yang banyak memberikan sokongan dan dorongan, serta semua yang terlibat. Sesungguhnya segala yang baik datang daripada Allah S.W.T dan yang buruk itu datang daripada kesalahan dan kelemahan penulis sendiri.

SENARAI KANDUNGAN

Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Abstrak	x
Senarai Kata Singkatan	xi
Senarai Jadual / Carta	xii

BAB 1 : SEJARAH CETAK ROMPAK DAN KEPENTINGAN KAJIAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	1
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Skop Kajian	9
1.5	Hipotesis	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Limitasi Kajian	13

BAB 2 : TINJAUAN KARYA

2.1	Kegiatan Cetak Rompak Budaya Zaman Jahiliyah	15
2.2	Fakta Kes Dan Tangkapan Atau Serbuan	20
2.3	Cara Untuk Membanteras Aktiviti Cetak Rompak	22
2.4	Taktik Terbaru Penjualan Selepas Operasi Banteras	27
2.5	Punca Utama Penjualan Bahan-Bahan Cetak Rompak	28

ABSTRAK

Kami merupakan pelajar tahun akhir Universiti Teknologi Mara Kampus Samarahan (UiTMKS) untuk Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang, Diploma Pentadbiran Awam (semester 6) telah membuat satu kajian mengenai persepsi masyarakat di sekitar bandaraya Kuching tentang masalah cetak rompak. Memandangkan masalah cetak rompak yang semakin menular pada masa kini, kami ingin melihat sejauh manakah pandangan atau persepsi masyarakat di sekitar bandaraya Kuching terhadap gejala tersebut dan langkah-langkah dalam mengatasinya. Di samping itu juga ia bertujuan untuk mengkaji langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan samada ianya membawa kesan yang positif terhadap masalah cetak rompak yang melanda negara kita sekarang. Bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan tepat, kami telah mengedarkan 150 keping borang soal selidik untuk diisi oleh responden yang telah kami kenal pasti untuk menjalankan kajian ini. Tujuannya ialah untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada orang ramai mengenai masalah cetak rompak. Apa yang mampu kami katakan di sini ialah kajian ini akan menjadi bahan rujukan kepada mana-mana generasi pada masa akan datang tentang gejala cetak rompak

BAB 1

SEJARAH CETAK ROMPAK DAN KEPENTINGAN KAJIAN

1.1 PENGENALAN SECARA UMUM

Dari dulu lagi pengguna di negara ini terdedah kepada pelbagai barangan tiruan. Daripada perisian dan perkakasan komputer, cakera padat video (VCD), jam tangan, barangan sukan, pakaian berjenama mahal, minyak wangi, kosmetik hinggalah kepada alat ganti kenderaan. Ia dilihat sebagai pilihan murah kepada keperluan asli.

Permintaan yang tinggi terhadap barangan ini menyebabkan perlambakan bekalan tersebut terutamanya di pasar malam, kaki lima kedai, malah hingga ke sesetengah gedung perniagaan menyebabkan ianya sukar untuk dibendung. Kadang kala pengguna bukan tidak dapat membezakan antara barangan asli dengan tiruan dari segi mutu dan rupa, tetapi barang tiruan tetap menjadi pilihan kerana harga yang murah.

Sesetengah barangan tiruan itu diseludup dari negara luar dan tidak kurang juga yang dihasilkan oleh pengilang tempatan. Sebilangan besar rakyat Malaysia hanya mementingkan jenama tanpa menghiraukan mutu, asalkan harganya murah dan hampir menyerupai barangan tulen. Lagipun, pada pandangan mereka, ianya mungkin tidak